

CNS5042

R SB 10-06 00203 BA799

bah

PENYERTAAN DALAM SUKAN DAN SOSIAL SAMA PENTING

ALOR SETAR, 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakvat memberi penekanan yang setara di bidang sukan dengan bidang sosial lain.

+Ini adalah kerana sukan menjadi penyumbang kepada semangat muhibah, toleransi, kesefahaman dan pembinaan moral dan fizikal yang baik.+ katanya dalam buku cenderamata sempena Sukan Kedah Darul Aman (SUKDA) yang pertama dari 12 hingga 18 Jun ini. Beliau dijadual melancarkan SUKDA di Stadium Darulaman.

Katanva, sukan adalah landasan paling sesuai membentuk satu bangsa yang kuat, berdikari, harmoni, stabil dan sejahtera, yang penting bagi kemajuan negara khususnya Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang bangsa.

Oleh itu, kerajaan mahu kegiatan sukan menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat yang pentingkan kesihatan, kata Perdana Menteri.

Pengerusi jawatankuasa SUKDA, Datuk Azizan Taib berkata, kejohanan itu menyediakan sejumlah 336 pingat emas dalam 18 acara. Sukan itu dijangka melibatkan 3.300 orang ahli sukan dari kesemua 11 daerah.

Semua pertandingan akan dilangsungkan di Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok sementara majlis penutup akan dilakukan oleh Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff yang akan turut menyampaikan Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Kedah 1992.-- Bernama

ZA AHH MIB

▼10/06/16-17MST